



**Durian belanda**  
**boleh dibuat jus**

**N**AMA botani bagi Durian Belanda ialah *Annona muricata* L. dan ia tergolong dalam keluarga Annonaceae.

Pengeluaran buah durian belanda banyak bergantung kepada keadaan cuaca semasa, penjagaan anak pokok teratur dan sempurna, pendebungaan berbantu serta kesuburan tanah yang baik.

Dengan pengurusan tanaman yang baik, pokok durian belanda boleh tumbuh dan membesar dengan cepat serta dapat mengeluarkan buah secara optimum.

Secara umumnya, buah durian belanda mempunyai saiz yang sederhana besar, kulitnya berduri lembut, isi buah berwarna putih dan mempunyai rasa masam-masam manis.

Buah durian belanda biasanya dimakan segar dan boleh diproses untuk dijadikan jus.

Bagi penanaman di ladang, jarak tanaman yang disyorkan ialah 6 meter x 6 meter dengan menggunakan sistem segi empat sama.

Bilangan pokok yang boleh ditanam untuk keluasan sehektar ialah 277 pokok.

Pokok durian belanda boleh dibiak dengan menggunakan biji benih atau pembiakan secara seks dan kaedah pembiakan tut atau pembiakan secara aseks.

Jenis tanah yang sesuai untuk penanaman pokok durian belanda ialah tanah jenis lom liat berpasir.

Selain itu, mempunyai saluran yang baik, keasidan tanah dengan pH di antara lima hingga tujuh serta kawasan yang tidak mempunyai naungan.

Pokok durian belanda mula mengeluarkan buah pada umur empat tahun dan ia banyak bergantung kepada tahap kesuburan tanah dan penjagaan yang teratur serta sempurna.

## Tips pertanian



bersama

**UPM**

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BERILMU BERBAKTI

**Oleh NORHAIMANSHAH ISMAIL**

Taman Pertanian Universiti  
Universiti Putra Malaysia



# Penjagaan durian belanda

## Pengairan

- Anak pokok durian belanda yang berumur lapan bulan dan ke atas atau mencapai ketinggian melebihi 30 cm adalah amat sesuai ditanam di ladang atau kebun.
- Sebelum ditanam, anak pokok perlu didedahkan kepada cahaya matahari sepenuhnya (*hardening*) supaya tahan dengan keadaan suhu panas yang berbeza-beza dan mengurangkan kadar kematian anak pokok selepas ditanam.
- Kerja penyiraman perlu dilakukan sekurang-kurangnya dua kali sehari dan dilakukan secara berterusan sehingga akar pokok boleh mendapatkan bekalan air dengan sendiri. Penggunaan jeli atau *aquasorb* dapat membantu membekalkan air secara perlahan-lahan untuk tempoh enam hingga lapan bulan selepas ditanam.
- Pokok durian belanda memerlukan sekurang-kurangnya 12 liter air sehari untuk mempercepatkan pertumbuhan tunas dan pucuk baru.
- Bagi mengurangkan kerja menyiram, penanaman anak pokok durian belanda pada musim hujan adalah cara yang terbaik dan biasanya berlaku pada bulan November, Disember dan Januari.

## Kawalan rumput

- Rumput yang tumbuh dikelilingi pokok perlu dikawal sama ada secara manual menggunakan cangkul atau tajak atau dengan penggunaan racun kimia.
- Penggunaan racun kimia dapat membantu mengawal pertumbuhan rumput dengan cepat dan boleh bertahan selama dua hingga tiga bulan.
- Antara rumput yang biasa tumbuh dikelilingi pokok ialah rumput sambau, rumput selaput tunggul, rumput kerbau, rumput parit, rumput Cyprus, semalu, lalang dan sebagainya.
- Penggunaan bahan sungkupan seperti sabut kelapa, kulit kayu, habuk papan, tandan kelapa sawit dapat membantu mengawal pertumbuhan rumput dan kelembapan tanah.

## Pemangkasan

- Pokok durian belanda perlu dibentuk dengan menggunakan sistem batang utama yang mana hanya satu batang utama

dibiarkan tumbuh dan dahan sisi pula dibiarkan tumbuh mendatar.

- Pembentukan sistem batang utama bermula dari umur enam bulan selepas ditanam sehingga umur tiga tahun.
- Terdapat dua jenis pemangkasan yang biasa dilakukan, iaitu pemangkasan pembentukan pokok kecil dan pemangkasan penjagaan.
- Pemangkasan pembentukan pokok kecil dibentuk dari awal untuk mempercepatkan pertumbuhan pucuk baru dan pembentukan dahan sisi yang mendatar.
- Pemangkasan penjagaan pula adalah seperti membuang tunas air yang tidak produktif, dahan dan ranting yang mati, ranting berpenyakit dan ranting yang melempai ke bawah serta bersilang.

## Pembajaan

- Baja organik perlu diberi kepada pokok supaya dapat meningkatkan tahap kesuburan serta memperbaiki struktur tanah. Ia juga berfungsi membekalkan unsur pemakanan secara perlahan-lahan dan berterusan. Kadar baja organik adalah bergantung kepada umur pokok, analisis tanah dan daun.
- Baja tumbesaran (NPK Hijau 15:15:15) perlu diberikan kepada anak pokok bermula dari awal penanaman sehingga pokok berumur tiga tahun, baja tersebut berfungsi mempercepatkan pertumbuhan tunas dan pucuk baru serta menggalakkan perkembangan akar pokok.
- Kekerapan pembajaan pokok kecil ialah empat kali setahun dengan kadar 500 hingga 600 gram setahun bagi baja NPK hijau.
- Manakala, baja buah (NPK Biru 12:12:17:2) mula digunakan apabila pokok mencapai peringkat kematangan pada kebiasaannya, pokok mula mengeluarkan buah pada umur empat tahun dan keatas. Baja buah berfungsi menggalakkan pengeluaran bunga dan buah secara optimum. Kadar baja pula bergantung kepada umur pokok dan tahap kesuburan tanah.
- Elakkan membaja semasa pokok sedang berbunga, ini kerana bunga akan menjadi kering dan luruh. Begitu juga, pada musim kemarau yang panjang, tidak digalakkan untuk membaja kerana baja tidak dapat diserap oleh akar.

## Kawalan penyakit dan perosak

- Antara perosak dan serangga yang biasa menyerang pokok dan buah durian belanda ialah seperti lalat buah, kepinding nyamuk, koya annona, ulat pengorek batang dan ulat bungkus.
- Racun serangga yang disyorkan ialah White Oil, Malathion, Fenthion, perangkap lalat buah dan lain-lain.

**BUAH durian belanda biasanya dimakan segar dan boleh diproses untuk dijadikan jus.**

